



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

INSTRUMEN INDEKS PERSEPSI MURID (IPM) TERHADAP GURU PENYAYANG

TUJUAN

1. Instrumen berbentuk soal selidik ini hendaklah ditadbir oleh Jawatankuasa Pelaksana Guru Penyayang Sekolah (JPGP). Tujuannya adalah untuk mengukur tahap persepsi murid terhadap guru mereka dalam konteks Guru Penyayang (GP).

KAEDAH

2. Sasarannya adalah kepada murid sekolah berkenaan dan jumlah responden yang menjawabnya hendaklah bagi sekolah menengah sekurang-kurangnya 30 peratus daripada jumlah murid di sekolah berkenaan. Sekolah rendah sekurang-kurangnya 30 peratus murid di tahap dua.
3. Dilaksanakan setiap bulan (1 haribulan berikutnya). Contohnya : pada awal bulan Januari, perlu dilakukan ujian pra (*pre test*) bagi menentukan tahap persepsi murid terhadap guru mereka. Setelah pelaksanaan GP pada bulan Januari, maka pada 1 haribulan Februari, dilaksanakan ujian tersebut sekali lagi bagi menentukan tahap persepsi murid sama ada berubah meningkat atau menurun. Begitulah pada bulan-bulan seterusnya.
4. JPGP perlu menganalisa hasil ujian tersebut setiap bulan serta menentukan tindakan-tindakan intervensi seterusnya.

PENENTUAN TAHAP INDEKS PERSEPSI MURID (IPM) TERHADAP GP

5. Pengukuran IPM akan menentukan perubahan persepsi murid terhadap sikap penyayang guru-guru mereka. Ia dilaksanakan menerusi instrumen soal selidik (15 item) yang dijawab murid mencakupi persoalan nilai **Penyayang** yang diamalkan guru. Interpretasi akan dibuat berdasarkan;

5.1 pernyataan persepsi menerusi skala Likert iaitu **Sangat Tidak Setuju (1 mata), Tidak Setuju (2 mata), Setuju (3 mata)** dan **Sangat Setuju (4 mata)**;

5.2 di mana mata tersebut akan dijumlahkan dalam bentuk skor dan interpretasi piawaiannya adalah;

BIL.	SKOR	INDEKS PERSEPSI MURID
1	1 - 29	GURU TIDAK PENYAYANG
2	30 - 44	GURU KURANG PENYAYANG
3	45 - 60	GURU PENYAYANG

5.3 sementara pengukuran terhadap keseluruhan guru di sesebuah sekolah dalam menentukan **peningkatan** atau **penurunan IPM** adalah berdasarkan jumlah dan peratus murid yang membuat persepsi. **Tafsirannya adalah sekiranya 80% hingga 100% jumlah murid (daripada responden) yang memberikan skor 45 hingga 60 mata, maka tahap GP di sekolah berkenaan tercapai.**

BIL.	PERATUS JAWAPAN MURID (RESPONDEN) YANG BERI SKOR 45 – 60 MATA	TAHAP INDEKS PERSEPSI GP SEKOLAH
1	1 – 49%	GURU TIDAK PENYAYANG
2	50 – 79%	GURU KURANG PENYAYANG
3	80 – 100%	GURU PENYAYANG

PENGGELASAN DAPATAN PERSEPSI

6. Soal selidik ini mengandungi 15 item yang berfokus kepada pengamalan nilai 9P5K. Soalan-soalan berkenaan adalah merujuk kepada pengkelasan kuantitatif berhubung persepsi murid terhadap guru mereka.

ITEM	PERNYATAAN	PENGGELASAN PERSEPSI
1	Saya sering diberi perhatian oleh guru	Persepsi murid berhubung dengan guru sentiasa mengambil berat dan penyayang kepada mereka dengan cara yang menawan hati murid.
2	Saya sering dilayan dengan baik oleh guru	Persepsi murid bahawa guru menerima semua murid dengan hati yang terbuka tanpa prasangka.
3	Salam/sapaan saya sering dijawab oleh guru	Persepsi murid terhadap guru yang mengamalkan budaya hormat menghormati antara satu sama lain.
4	Saya selalu dipuji oleh guru	Persepsi murid bahawa guru mengiktiraf pencapaian mereka.
5	Saya sering disapa oleh guru	Persepsi murid mengenai kepekaan guru dan mengambil berat terhadap kesulitan, musibah dan permasalahan murid.

6	Pendapat saya sering didengar/diterima oleh guru	Persepsi murid tentang guru sentiasa berbaik sangka, bertolak ansur, mengelakkan perselisihan faham dan pertelingkahan.
7	Kehadiran saya di sekolah dialu-alukan oleh guru	Persepsi murid tentang guru yang merasakan bahawa kehadiran mereka di sekolah adalah penting dan dihargai.
8	Saya sering menerima ucapan sempena hari perayaan yang saya raikan.	Pandangan murid bahawa guru mengenyakan perasaan <i>ethnocentric</i> dalam kalangan warga sekolah
9	Saya sering dilayan seperti anak sendiri	Persepsi murid bahawa semua warga sekolah adalah bersaudara.
10	Saya sering menerima ucapan hari lahir daripada guru	Persepsi murid bahawa guru mengingati dan menghargai kelahiran dan kewujudan mereka
11	Saya selalu menerima senyuman daripada guru	Persepsi murid berhubung guru yang mudah didampingi dan diterima
12	Kejayaan saya sering dihargai oleh guru	Persepsi murid bahawa kejayaan mereka adalah kejayaan sekolah
13	Saya suka cara guru mengajar	Persepsi murid mengenai guru sentiasa gembira dan senang hati semasa berada di kelas/sekolah.
14	Guru saya sentiasa sabar melayan tingkah laku / kerenah murid.	Persepsi murid berhubung guru yang memiliki daya ketahanan yang tinggi dan tabah melayan karenah murid
15	Saya sangat seronok semasa berada di sekolah	Persepsi murid mengenai guru sentiasa bersikap positif dan tidak menakutkan semasa berada di sekolah

**SOAL SELIDIK
INDEKS PERSEPSI MURID (IPM)
TERHADAP GURU PENYAYANG**

Nama dan Alamat Sekolah :

Daerah :

Negeri :

Tarikh Pelaksanaan Ujian :

Tingkatan / Tahun :

Jantina :

Kaum :

Arahan

1. Pastikan anda menjawab kesemua 15 soalan berikut.
2. Guru hendaklah membantu responden terhadap ketidakfahaman mereka tentang sesuatu item.
3. Tandakan (/) bagi setiap pernyataan yang sesuai berdasarkan skala berikut:-

Skala Sangat Tidak Setuju	Skala Tidak Setuju	Skala Setuju	Skala Sangat Setuju
1	2	3	4

Item	Pernyataan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1.	Saya sering diberi perhatian oleh guru				
2.	Saya sering dilayan dengan baik oleh guru				
3.	Salam/sapaan saya sering dijawab guru				
4.	Saya selalu dipuji oleh guru				
5.	Saya sering disapa oleh guru				
6.	Pendapat saya sering didengar guru				
7.	Kehadiran saya di sekolah dialu-alukan oleh guru				
8.	Saya sering menerima ucapan sempena hari perayaan yang saya raikan				
9.	Saya sering dilayan seperti anak sendiri oleh guru				
10.	Saya sering menerima ucapan hari lahir daripada guru				
11.	Saya selalu menerima senyuman daripada guru				
12.	Kejayaan saya dihargai oleh guru				
13.	Saya suka cara guru mengajar				
14.	Guru saya sentiasa sabar melayan tingkah laku / kerenah murid.				
15.	Saya sangat seronok semasa berada di sekolah				
JUMLAH SKOR					
JUMLAH SKOR KESELURUHAN					

